

26/10/1998

PM kesal tindakan penyokong Anwar

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kesal dengan tindakan mereka yang terbabit dalam perhimpunan haram yang menggunakan kekerasan di ibu negara, semalam.

Menurut Perdana Menteri, kumpulan itu yang menggelarkan diri mereka sebagai pejuang reformasi untuk menegakkan keluhuran undang-undang, sebaliknya mereka sendiri yang melanggarnya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan tidak akan tunduk kepada tekanan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membuat pelbagai tuntutan menerusi demonstrasi atau tindakan ganas yang menyalahi undang-undang.

Dr Mahathir berkata, percubaan untuk mengelakkan Anwar daripada dibicarakan itu juga tidak akan berkesan kerana beliau tetap akan dibicarakan.

Justeru, beliau menasihatkan rakyat supaya jangan menyertai tunjuk perasaan yang kini sudah menjadi ganas berikutan penemuan bom api (Molotov cocktail), minyak tanah dan petrol dalam kejadian di Kampung Baru, semalam.

"Saya yakin mulanya mungkin aman (tunjuk perasaan) dan bila nampak (secara) aman tak berkesan, dia akan naikkan pilihan... jadi lebih ganas. Sekarang Molotov cocktail juga sudah dijumpai, ada juga arahan supaya bawa minyak tanah dan petrol. Untuk apa... untuk nak bakar.

"Saya ingin nasihatkan mereka yang tidak ingin terbabit, jangan sertai tunjuk perasan. Dia tak akan untungkan apa-apa dan kerajaan tidak akan tunduk pada tekanan seperti ini.

"Datuk Seri Anwar akan dibicarakan mengikut undang-undang negara," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan produk perangsang organik atau baja tanaman, Terus Maju, hasil keluaran Invigorant Maju Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Maju, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, modus operandi tunjuk perasaan semalam juga mempunyai banyak persamaan dengan kejadian tunjuk perasaan sebelum Anwar menyertai Umno.

"Ia mempunyai persamaan dengan tunjuk perasaan penuntut pada 1974 ketika saya menjadi Menteri Pelajaran," katanya.

Beliau percaya kejadian semalam mungkin didalangi Hishamuddin Rais, bekas aktivis pelajar tahun 1970-an.

Menurutnya, modus operandi itu ialah mengadakan tunjuk perasaan secara aman pada mulanya dan kekerasan digunakan kemudian apabila ia tidak berkesan.

Dr Mahathir juga membidas Hishamuddin yang tidak pernah berterima kasih kepada kerajaan dan bersyukur selepas diberi peluang kembali ke tanah air tanpa dikenakan tindakan.

"Semasa berada di luar negeri, dia tulis surat pada saya minta supaya dia dapat balik seolah-olah sudah bertaubat, tetapi orang jenis itu samalah juga. Masa di luar negeri bertahun-tahun, macam nak menangis minta nak balik ke tanah air, tapi itulah... tidak guna langsung," katanya.

(END)